


## PERBEZAAN ANTARA AHLI SUNNAH DAN SYIAH

PERKARA	SUNNAH	SYIAH
1) Sayyidina Ali	<ul style="list-style-type: none"> <li>Ahli keluarga dan sahabat Nabi SAW serta sebagai khalifah Islam yang keempat.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Sepututnya sebagai Imam Pertama yang maksum iaitu terpelihara daripada dosa.</li> </ul>
2) Keluarga Rasullullah SAW (Ahli Bait)	<ul style="list-style-type: none"> <li>Iaitu isteri-isteri Rasullullah, anak menantunya, serta kaum kerabat daripada keturunan Bani Hashim dan Bani Muttalib</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Iaitu menantunya Sayyidina Ali, Fatimah, Hasan dan Husain serta keturunan daripadanya.</li> </ul>
3) Abu Bakar, Umar dan Uthman	<ul style="list-style-type: none"> <li>Sebagai Khulafa' al Rasyidin yang diliktiraf secara ijma'ulama.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Kekhalifahan tidak sah kerana merampas daripada Sayyidina Ali.</li> </ul>
4) Para sahabat Nabi SAW	<ul style="list-style-type: none"> <li>Mereka dianggap jujur (adil) kerana telah dipersaksikan oleh al-Qur'an secara umum dengan doa keredhaan buat mereka (radhiyallahu anhum).</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Beranggapan semua sahabat telah murtad selepas kewafatan Nabi SAW kecuali tiga orang iaitu al-Miqdad bin al-Aswad, Abu Zar al-Ghfari dan Salman al-Farisi.</li> </ul>
5) Imamah/ Kekhalifahan	<ul style="list-style-type: none"> <li>Dilantik melalui pemilihan daripada kalangan muslimin melalui sistem syura.</li> <li>Seorang manusia biasa tidak maksum daripada melakukan salah dan silap.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Dilantik secara nas oleh Allah SWT dan Rasullullah SAW dari pada keturunan Sayyidina Ali.</li> <li>Seorang yang maksum dan mempunyai kedudukan yang sangat tinggi sehingga tidak dicapai oleh para malaikat dan para nabi.</li> </ul>
6) Keghaiban Imam al-Mahdi	<ul style="list-style-type: none"> <li>Tidak percaya kepada keghaiban Imam al-Mahdi sebaliknya Imam al-mahdi akan lahir di akhir zaman daripada keturunan Nabi SAW.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Imam al-Mahdi adalah Muhammad bin al-Hasan al- Askari iaitu anak kepada imam kesebelas Syiah. Bagaimanapun sejak kematian imam al-Hasan al-Askari pada 260H hingga ke hari ini, Imam Muhammad masih belum muncul.</li> </ul>
7) Kedudukan al Qur'an	<ul style="list-style-type: none"> <li>Ijma' bahawa isi kandungan al-Qur'an dipelihara oleh Allah SWT tanpa sebarang penambahan, pengurangan dan penyelewengan.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Isi al-Qur'an telah berlaku pengurangan dan penyelewengan dan al-Qur'an yang sebenar adalah seperti yang telah dikumpulkan oleh Sayyidina Ali.</li> </ul>

PERKARA	SUNNAH	SYIAH
8) Kedudukan Hadith Nabi SAW	<ul style="list-style-type: none"> <li>Sumber hukum yang kedua dalam syariah Islam. Tidak boleh menyalahi dan menentang mana-mana hadith yang sah dan diperakui daripada Rasullullah SAW.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Menolak hadith-hadith yang diriwayatkan oleh para sahabat seperti yang terkandung di dalam al-Bukhari dan Muslim. Namun hadith-hadith ini digunakan apabila ia menyokong mazhab mereka. Sebaliknya mereka hanya menerima riwayat-riwayat yang datang daripada Sayyidina Ali dan para imam sahaja.</li> </ul>
9) Ijma' dan Qiyyas	<ul style="list-style-type: none"> <li>Sebagai sumber hukum ketiga dan keempat.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Kedua-duanya tidak diterima kecuali ijma' yang direstui oleh para imam.</li> </ul>
10) Nikah Mut'ah	<ul style="list-style-type: none"> <li>Diharamkan dengan tegas oleh syarak kerana ia menyerupai perzinaan atas nama agama dan merendah-rendahkan martabat kaum wanita.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Dihalalkan dan menjadi identiti utama golongan Syiah. Pernikahan yang dilakukan cukup dengan persetujuan lelaki dan wanita tentang upah dan tempoh, tanpa perlu wali dan saksi.</li> </ul>
11) Al-Taqiyyah (menyembunyikan aqidah atas dasar tipu muslihat)	<ul style="list-style-type: none"> <li>Tidak dibenarkan kecuali dalam keadaan peperangan dengan musuh Islam. Umat Islam perlu sentiasa berani menzaahirkan aqidahnya terutama dalam membela dan mempertahankan Islam.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Menjadi satu perkara yang wajib kerana mazhab Syiah tidak mampu ditegakkan kecuali dengan al-taqiyyah.</li> </ul>
12) Kedudukan isteri-isteri Nabi SAW	<ul style="list-style-type: none"> <li>Mereka adalah termasuk ahli keluarga Nabi SAW dan merupakan para ibu kaum mukmin (Ummahat al-Mukminin) yang amat dihormati.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Sangat berdendam dengan mereka seperti menuduh bahawa Aisyah dan Hafsah sebagai munafiq dan kafir kerana telah meracuni Nabi SAW.</li> </ul>



# PENYELEWENGAN SYIAH



Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM)  
Aras 5-9 Blok D7, Kompleks D,  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,  
62519, PUTRAJAYA, MALAYSIA.

[www.islam.gov.my](http://www.islam.gov.my)

**JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA**

## PENGENALAN

Perbezaan pendapat di kalangan umat Islam dalam cabang syariah atau perundangan Islam dianggap satu rahmat kerana di sebalik perselisihan pendapat ini telah membawa kepada pertemuan, perbincangan dan perbahasan di antara alim ulama yang pakar dalam bidang tersebut sehingga satu keputusan dapat dibuat.

Walau bagaimanapun perbezaan pendapat dalam bidang akidah dan usul syariah lebih cenderung kepada malapetaka serta peperangan saudara umat Islam. Ia mengakibatkan perpecahan di kalangan umat Islam yang tidak diinginkan oleh Rasulullah S.A.W dan seluruh umat Islam. Demikianlah kewujudan fahaman Syiah telah menimbulkan perpecahan di kalangan umat Islam.

## LATAR BELAKANG SYIAH

### Syiah Imam Dua Belas (Ja'fariyah)

Kumpulan ini merupakan golongan Syiah yang terbesar di Iran dan merangkumi lebih kurang 60% daripada penduduk Iraq. Golongan ini juga menjadi kumpulan minoriti di beberapa buah negara seperti Pakistan, Afghanistan, Lebanon dan Syria.

### Syiah Zaidiyah

Kumpulan yang dikenali dengan nama Syiah Imam Lima dan ia berkembang di Yaman dan hampir 40% daripada penduduk negara tersebut adalah pengikut Syiah Zaidiyah.

### Syiah Ismailiyah

Kumpulan ini mempunyai Imam Tujuh dan pengikutnya dianggarkan seramai 2 juta orang. Kumpulan ini sekarang berpusat di India dan bertaburan di sekitar Asia Tengah, Iran, Syria dan Timur Afrika.

## FAKTOR-FAKTOR KEMUNCULAN FAHAMAN SYIAH

### KEWAFATAN RASULULLAH S.A.W

Terdapat sesetengah pihak yang berpendapat bahawa Saidina Ali lebih berhak menjadi imam lalu berpihak kepadaanya. Pendapat ini juga dipegang oleh sebahagian puak Syiah dengan penafsiran khas mereka sendiri. Sementara selain Syiah pula mengaitkan pendapat ini dengan pandangan yang mengatakan bahawa talian darah dengan Rasulullah S.A.W lebih berhak menjadi khalifah selepas Rasulullah S.A.W.

### KEMUNCULAN PERGERAKAN ABDULLAH B. SABA' DI PENGHJUNG ZAMAN UTHMAN R.A.

Abdullah bin Saba' adalah seorang Yahudi dari Yaman dan pengasas golongan Syiah Al-Sabaiyah yang merupakan golongan Syiah pelampau. Dia telah memeluk Islam pada zaman Uthman r.a, dan menjelajah ke kota-kota Islam dalam percubaannya untuk menyesatkan umat Islam.

### PEPERANGAN SIFFIN DAN MAJLIS TAHKIM

Reaksi kepada puak Khawarij yang menentang Saidina Ali r.a dalam peristiwa Tahkim. Mereka melaungkan bahawa imam itu adalah hak umum bagi semua kaum muslimin tanpa wujud keutamaan antara orang Arab dengan bukan Arab, dan antara bangsa Parsi atau Habsyah. Puak Syiah dalam keadaan itu menjadikan imam hak di kalangan ahli bait Rasulullah S.A.W sahaja, dari keturunan Saidina Ali r.a.

### PEMBUNUHAN HUSSEIN R.A.

Selepas peristiwa menyayat hati ini, lafadz Syiah mula digunakan untuk merujuk kepada mereka yang menyokong Saidina Ali r.a dan keturunannya.

*Kesimpulan : Sebahagian prinsip akidah bagi Syiah telah lahir pada tangan Abdullah bin Saba', tetapi tidak timbul secara berkumpulan. Hanya selepas berlaku peristiwa di atas, terutama selepas pembunuhan Hussein, Syiah mula muncul sebagai suatu kumpulan yang berkembang berdasarkan prinsip-prinsip tertentu yang dilontarkan oleh Ibnu Saba' di dalam suasana pemikiran bagi puak Syiah ketika itu.*

### SYIAH DI MALAYSIA

Syiah di Malaysia merupakan satu kelompok pecahan dari umat Islam yang merangkumi lebih kurang 10% dari seluruh umat Islam di dunia. Di Malaysia terdapat 3 kumpulan Syiah yang berkembang semenjak beberapa tahun yang lalu iaitu :

#### Syiah Taiyibi Bohra (Dawood Bohra)

Kumpulan ini berasal dari India dan di Malaysia ia dikenali dengan golongan yang memiliki *Kedai Bombay*. Kumpulan yang berpusat di daerah Kelang ini mempunyai tanah perkuburan dan masjidnya sendiri dan pengikutnya dianggarkan seramai 200 hingga 400 orang.

#### Syiah Ismailiyah Agha Khan

Kumpulan yang dikenali dengan nama *Kedai Peerhai* ini bergerak di sekitar Lembah Kelang. Jumlah pengikut tidak diketahui tetapi bilangannya lebih kecil dari kelompok Bohra.

#### Syiah Ja'fariyah @ Imamah Ithna Assyariyyah. (Imam Dua Belas)

Kumpulan Syiah ini dipercaya mula bertapak di Malaysia selepas kejayaan Revolusi Iran pada tahun 1979. Pengaruh ajaran dan fahaman kumpulan ini menular ke negara ini melalui bahan-bahan bacaan dan orang perseorangan sama ada yang berkunjung ke Iran atau yang datang dari Iran.

Fahaman Syiah ini bertambah meruncing apabila beberapa orang Pensyarah universiti tempatan telah memainkan peranan untuk menyebarkan fahaman Syiah Ja'fariyah secara serius kepada para pelajar di Institut Pengajian Tinggi.

## PENYELEWENGAN FAHAMAN SYIAH

### 1. PENYELEWENGAN DARI SUDUT AKIDAH

- Khalifah diwasiatkan secara Nas.
- Imam adalah maksum.
- Ilmu Allah berubah-ubah mengikut sesuatu peristiwa yang berlaku kepada manusia.
- Kemunculan semula Imam Mahdi dan kumpulan orang yang telah mati untuk memberi keadilan.
- Berpura-pura iaitu menyatakan dengan lisan yang menyalahi hati kerana takut kemudharatan diri walaupun yang disembunyikan itu perkara yang benar.
- Konsep al-Mahdiah iaitu kepercayaan kepada Muhammad bin Hassan al-Askari sebagai imam Mahdi al-Muntazar.
- Penyanjungan yang keterlaluan kepada Sayidina Ali.
- Mengafirkkan para sahabat Rasulullah S.A.W.
- Menuduh Abu Bakar, Umar, Uthman dan Muawiyah sebagai empat berhala Quraisy serta pengikut-pengikut mereka adalah musuh Allah.
- Hanya Ali dan para Imam sahaja yang menghafal dan menghimpun al-Quran dengan sempurna.

- Menambah nama Saidina Ali dalam Syahadah.
- Menolak Hadis yang diriwayatkan oleh Ahlu Sunnah Wal Jamaah sekalipun Hadis Mutawatir.

### 2. PENYELEWENGAN DARI SUDUT SYARIAT

- Menolak Ijmak Ulama.
- Menolak Qiyas.
- Menghalalkan nikah mut'ah (akad nikah dengan tempoh tertentu).
- Menjamakkan solat tanpa alasan tertentu iaitu Zuhur dengan Asar dan Magrib dengan Isyak.

### 3. PELBAGAI PENYELEWENGAN UMUM

- Menziarahi kubur Saidina Hussein, ganjarannya syurga.
- Menyiksa tubuh badan sempena 10 Muharram bagi menangisi kematian Saidina Hussein.
- Menghina isteri-isteri nabi S.A.W.
- Mengharuskan jamak sembahyang dalam semua keadaan tanpa sebarang sebab.
- Imamah dan Khalifah sebahagian daripada rukun Islam dan ianya berlaku melalui nas.
- Sembahyang dhuhra adalah bid'ah.
- Islam bukanlah syarat wajib Haji.
- Wajib menyapu kedua-dua kaki dan tidak memadai hanya dengan membasuh kedua-duanya.

## KITAB-KITAB SYIAH

**AWAS!** Terdapat beberapa kitab utama Syiah yang telah cuba disebarluaskan ke seluruh negara, antaranya:

1. Meniti Titian Kebenaran: Menyingkap Kebenaran Mazhab Rasul dan Ahlu Bait
2. Inilah Khulafa Ar Rasyidin
3. Akhirnya Ku Temui Kebenaran
4. Dialog Mengenai Islam dan Akidah Islam Yang Sebenar
5. Benarkah Salafi Wahabi Pemusnah Islam dan Pembunuh Umatnya
6. Kewajipan Setiap Muslim Mentaati Kepimpinan Yang Dilantik Allah dan Rasul Demi Perpaduan dan Kejayaan Dunia dan Akhirat
7. Perpaduan Islam Sumber Kekuatan Ummah, Cela-mencela Merungkai Perpaduan
8. Ajidah Syiah Yang Dicemoh oleh Ahli Sunnah Wal Jamaah Khususnya As-Salafi
9. Memorandum Majlis Syiah Malaysia bertarikh 6 Jun 2011

